

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**TARIKH : 8 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9604**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan punca kematian Kim Jong Num di KLIA2 pada 13 Februari 2017.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kes kematian Kim Jong Nam, abang tiri kepada Presiden Korea Utara berlaku di Kiosk Self Check In Air Asia berhadapan kaunter daftar masuk W, Aras 3, Lapangan Terbang KLIA 2, Sepang pada 13 Februari 2017 berkait KLIA Sepang Report 002798/17. Kes tersebut telah diklasifikasikan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.**

**Sehingga kini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menangkap 4 orang suspek terdiri daripada seorang wanita warganegara Vietnam, seorang wanita warganegara Indonesia, seorang lelaki warga tempatan dan seorang lelaki warganegara Korea bagi membantu siasatan.**

**Kertas siasatan yang lengkap telah dimajukan kepada Timbalan Pendakwaraya dan arahan diberikan seperti berikut:-**

- i) **kedua-dua orang wanita warga negara Indonesia dan Vietnam dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan pada 1 Mac 2017;**
  
- ii) **seorang lelaki warga tempatan diberikan bon di bawah Seksyen 49 Kanun Tatacara Jenayah pada 22 Februari 2017; dan**

- iii) seorang lelaki warganegara Korea Utara diserahkan kepada pihak Imigresen untuk tujuan pengusiran.

**Memandangkan kes berkenaan telah dihadapkan ke Mahkamah, Kementerian tidak berhasrat untuk mengulas lanjut berkaitan kes ini kerana dikhawatiri akan *sub judice* kepada proses perbicaraan.**